

SOALAN NO. 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 11

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pelaksanaan proses pembinaan Stadium mini di Kg. Beringgis, Papar yang sudah diluluskan dalam RMK-11 sebanyak RM10 juta untuk kemudahan sekolah-sekolah dan penduduk umum di daerah Papar.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Cadangan pembinaan Kompleks Sukan Papar dibatalkan kerana tapak projek tidak sesuai dan memerlukan kos yang tinggi untuk melaksanakan kerja-kerja tanah.
2. KBS sedia menimbang semula cadangan pembinaan projek ini di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dengan tapak baharu yang lebih sesuai.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, setakat ini terdapat dua puluh tujuh (27) kemudahan sukan di Daerah Papar yang terdiri daripada padang bola sepak, dewan serbaguna, gelanggang sepak takraw, gelanggang bola tampar dan gelanggang futsal KBS. Sebanyak lapan belas (18) unit kemudahan tersebut adalah di bawah seliaan Kerajaan Negeri, swasta dan lain-lain, manakala sembilan (9) unit kemudahan sukan adalah di bawah seliaan KBS. Sekian, terima kasih.